**PERATURAN PEMARKAHAN**

**MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5**

**TAHUN 2022/2023**

---

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1**

**Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**

**[30 markah]**

**KRITERIA PENSKORAN**

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| **Cemerlang** | **26 – 30**<br>(28 – 30)<br>(26 – 27) | **<u>Tema / Tugasan</u>**<br>• Karangan **menepati tema** bahan rangsangan / tugasan.<br><br>**<u>Idea</u>**<br>• Idea **relevan** dengan tema bahan rangsangan / tugasan.<br>• Huraian **jelas** dan **matang.**<br><br>**<u>Bahasa</u>**<br>• Bahasa **gramatis** dari segi kata dan ayat.<br>• Penggunaan kosa kata **luas** dan **tepat.**<br>• Unsur bahasa yang digunakan **bervariasi.**<br>• Penggunaan *ungkapan menarik yang **sesuai** dan **tepat.**<br>• Ejaan yang **betul** mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.<br>• Penggunaan tanda baca **betul** dan **tepat.**<br><br>**<u>Pengolahan</u>**<br>• Pengolahan **menarik** dan **berkesan.**<br>• Laras bahasa **sesuai** mengikut tugasan.<br>• Wacana **lengkap.**<br>• Pemerenggganan **sesuai**.<br><br>***Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain** |
| **Kepujian** | **20 – 25**<br>(23 – 25)<br>(20 – 22) | **<u>Tema / Tugasan</u>**<br>• Karangan **menepati** tema bahan rangsangan / tugasan.<br><br>**<u>Idea</u>**<br>• Idea **relevan** dengan tema bahan rangsangan / tugasan.<br>• Huraian **jelas**. |

<table>
<tr><td></td><td></td><td><u>Bahasa</u><br><br>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat.<br>• Penggunaan kosa kata luas.<br>• Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.<br>• Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.<br>• Penggunaan tanda baca betul dan tepat.<br><br><u>Pengolahan</u><br><br>• Pengolahan menarik.<br>• Laras bahasa sesuai mengikut tugasan.<br>• Wacana lengkap.<br>• Pemerengganan sesuai.</td></tr>
<tr><td>Memuaskan</td><td>15 – 19<br><br>(17 – 19)<br><br>(15 – 16)</td><td><u>Tema / Tugasan</u><br><br>• Karangan masih menepati tema bahan rangsangan / tugasan.<br><br><u>Idea</u><br><br>• Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan.<br>• Huraian masih jelas.<br><br><u>Bahasa</u><br><br>• Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat.<br>• Penggunaan kosa kata masih luas / terhad.<br>• Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi.<br>• Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara.<br>• Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat.<br><br><u>Pengolahan</u><br><br>• Pengolahan masih menarik.<br>• Laras bahasa masih sesuai mengikut tugasan.<br>• Wacana masih lengkap.<br>• Pemerengganan masih sesuai.</td></tr>
</table>

<table>
<tr>
<td>Penguasaan minimum</td>
<td>10 – 14<br>(12 – 14)<br>(10 – 11)</td>
<td><u>Tema / Tugasan</u><br>• Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan / tugasan.<br><br><u>Idea</u><br>• Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan.<br>• Huraian kurang jelas.<br><br><u>Bahasa</u><br>• Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat.<br>• Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara.<br>• Penggunaan kosa kata terhad.<br>• Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi.<br>• Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara.<br><br><u>Pengolahan</u><br>• Pengolahan kurang menarik.<br>• Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugasan.<br>• Wacana kurang lengkap.<br>Pemerengganan kurang sesuai.</td>
</tr>
<tr>
<td>Tidak mencapai tahap penguasaan minimum (TMT)</td>
<td>1 – 9<br>(6 – 9)<br>(1 – 5)</td>
<td>• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.<br>• Idea tidak menepati tema bahan rangsangan / tugasan<br>• Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</td>
</tr>
</table>

**Bahagian B : Karangan Respons Terbuka**

**[70 markah]**

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| **Cemerlang** | **64 – 70**<br>(68 – 70)<br>(64 – 67) | **Tema / Tugasan**<br>• Karangan **menjawab** tugasan.<br><br>**Idea**<br>• Idea **relevan** mengikut tugasan.<br>• Huraian **jelas** dan **matang.**<br>• Contoh yang **sesuai.**<br><br>**Bahasa**<br>• Penggunaan **pelbagai** jenis ayat yang **gramatis**.<br>• Penggunaan **pelbagai** jenis kata yang **luas** dan **tepat**.<br>• Penggunaan kosa kata **luas** dan **tepat**.<br>• Ejaan dan tanda baca yang **betul**.<br>• Penggunaan unsur bahasa **bervariasi**.<br>• Gaya bahasa **amat menarik** dari segi keindahan bahasa dan **penggunaan ungkapan** seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.<br><br>**Pengolahan**<br>• Pengolahan **sangat menarik** dan **berkesan.**<br>• Pemerengganan yang **sesuai**.<br>• Wacana **lengkap** dan terdapat kesinambungan idea yang **jelas** antara perenggan.<br>• **Laras** bahasa **sesuai** mengikut tugasan. |
| **Kepujian** | **55 – 63**<br>(59 – 63)<br>(55 – 58) | **Tema / Tugasan**<br>• Karangan **menjawab** tugasan<br><br>**Idea**<br>• Idea **relevan** mengikut tugasan.<br>• Huraian **jelas**.<br>• Contoh yang **sesuai**. |

| | | |
|---|---|---|
| | | <u>**Bahasa**</u><br>• Penggunaan **pelbagai** jenis ayat yang **gramatis** tetapi terdapat **kesalahan** yang **minimum**.<br>• Penggunaan **pelbagai** jenis kata yang **tepat**.<br>• Penggunaan kosa kata **luas** dan **tepat**.<br>• Ejaan dan tanda baca yang **betul**.<br>• Penggunaan unsur bahasa **masih** bervariasi.<br>• Gaya bahasa **menarik** dari segi keindahan bahasa dan **penggunaan ungkapan** seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.<br><br><u>**Pengolahan**</u><br>• Pengolahan **menarik** dan **berkesan.**<br>• Pemerenggganan yang **sesuai**.<br>• Wacana **lengkap** dan terdapat kesinambungan idea yang **jelas** antara perenggan.<br>• **Laras** bahasa **sesuai** mengikut tugasan. |
| **Baik** | **45 – 54**<br><br>(50 – 54)<br><br>(45 – 49) | <u>**Tema / Tugasan**</u><br>• Karangan **masih menjawab** tugasan.<br><u>**Idea**</u><br>• Idea **masih** relevan mengikut tugasan.<br>• Huraian **masih** jelas.<br>• Contoh **masih** sesuai.<br><u>**Bahasa**</u><br>• Penggunaan **pelbagai** jenis ayat yang **gramatis** tetapi terdapat **kesalahan** yang **minimum**.<br>• Penggunaan **pelbagai** jenis kata yang **sesuai.**<br>• Penggunaan kosa kata **umum.**<br>• Ejaan dan tanda baca **masih** betul.<br>• Penggunaan unsur bahasa **masih** bervariasi.<br>• Gaya bahasa **menarik** dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan **kurang berkesan**.<br><u>**Pengolahan**</u><br>• Pengolahan **masih** menarik dan berkesan<br>• Pemerengganan **masih** sesuai.<br>• Wacana **masih** lengkap.<br>• Laras bahasa **sesuai** mengikut tugasan. |

<table>
<tr>
<td>Memuaskan</td>
<td>35 – 44<br><br>(40 – 44)<br>(35 – 39)</td>
<td><u>Tema / Tugasan</u><br>• Karangan masih / kurang menjawab tugasan.<br><br><u>Idea</u><br>• Idea masih relevan mengikut tugasan.<br>• Huraian kurang jelas.<br>• Contoh kurang sesuai.<br><br><u>Bahasa</u><br>• Ayat kurang gramatis.<br>• Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad.<br>• Penggunaan kosa kata umum dan terhad.<br>• Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum.<br>• Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi.<br>• Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.<br><br><u>Pengolahan</u><br>• Pengolahan kurang menarik.<br>• Pemerenggan kurang sesuai.<br>• Wacana masih / kurang lengkap.<br>• Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugasan.</td>
</tr>
<tr>
<td>Penguasaan minimum</td>
<td>21 – 34<br><br>(28 – 34)<br><br>(21 – 27)</td>
<td><u>Tema / Tugasan</u><br>• Karangan kurang menjawab tugasan.<br><br><u>Idea</u><br>• Idea masih relevan mengikut tugasan / bercampur aduk.<br>• Huraian tidak jelas / tidak berkembang.<br>• Contoh yang tidak sesuai.<br><br><u>Bahasa</u><br>• Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami.<br>• Penggunaan kata kurang tepat.<br>• Penggunaan kosa kata umum dan terhad.<br>• Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.<br>• Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi.<br>• Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan.</td>
</tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | | **<u>Pengolahan</u>**<br>• Pengolahan **tidak** menarik.<br>• Pemerengganan **tidak** sesuai / **tidak** seimbang.<br>• Wacana **tidak** lengkap. |
| **Tidak mencapai tahap penguasaan minimum** | **1 – 20**<br>(11 – 20)<br>(1 – 10) | • **Keseluruhan** karangan **sukar** / **tidak** difahami.<br>• Idea **tidak** relevan / **bercampur aduk** dan huraian **tidak** jelas / **tidak** berkembang serta contoh tidak sesuai.<br>• **Keseluruhannya** menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang **tidak** gramatis.<br>• Terdapat **kesalahan** ejaan dan tanda baca yang **ketara.**<br>• Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan **lemah** dan **tidak** menarik.<br>• Pengolahan **tidak** menarik.<br>• Pemerengganan **tidak** sesuai dan **tidak** seimbang.<br>• Wacana **tidak** lengkap. |

Pemeriksa hendaklah memberi komen pada karangan yang diperiksa.

**Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:**

| | | |
|---|---|---|
| **(** **)** | = | Kesalahan isi |
| ____________ | = | Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan |
| **/** | = | Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas) |
| **//** | = | Kesalahan ejaan yang berulang |
|  | = | Kesalahan tanda baca |

## SOALAN BAHAGIAN A (30 markah)

**BAHAGIAN A : Sambutan perayaan di Malaysia**

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada sambutan perayaan di Malaysia.

Berdasarkan grafik tersebut, tulis sepucuk **surat** kepada rakan anda untuk menceritakan perihal **sambutan perayaan di Malaysia**.

Panjangnya **surat** anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

**<u>Kehendak tugasan soalan</u>**

i. Calon perlu menghuraikan cara-cara **sambutan perayaan di Malaysia dengan menyentuh semua bahan yang diberikan.**

ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah:
- Pakaian tradisional masyarakat di Malaysia.
- Makanan tradisional pelbagai kaum.
- Majlis rumah terbuka.

iii.Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.

iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan sambutan perayaan di Malaysia – diterima dan diperiksa seperti biasa.

v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat kepujian.

vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat terakhir - maksimum peringkat kepujian.

vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat memuaskan**.**

viii. Format : Surat kiriman tidak rasmi

-Tidak ada alamat penulis (atas sebelah kanan) / tidak ada tarikh / tidak ada pengakuan pengirim & tanda tangan (bawah sebelah kanan) - maksimum peringkat kepujian.

## SOALAN BAHAGIAN B : 70 MARKAH

**Soalan 1**

1

> Semangat patriotik perlu ditanam dalam diri setiap remaja sejak kecil lagi supaya mereka lebih menghargai warisan, kepelbagaian budaya dan sejarah negara. Semangat ini boleh disuburkan melalui kesedaran dan pendidikan. Oleh itu, semua pihak haruslah memainkan peranan untuk memastikan hasrat ini tercapai.
>
> Dipetik dan diubah suai daripada
> *Berita Harian Online*, 4 September 2018

Berdasarkan petikan di atas, terdapat langkah-langkah untuk memupuk semangat patriotik dalam kalangan remaja.
Huraikan.

**Kehendak tugasan soalan**

1. FORMAT- tiada
2. Calon dikehendaki menghuraikan langkah-langkah untuk memupuk semangat patriotik dalam kalangan remaja.

    i. Kesedaran - Kempen patriotik melalui media massa

    ii. Pendidikan – Memupuk semangat patriotik sejak di bangku sekolah.

3. Cadangan isi

    i. Menghargai sejarah dan tokoh negara
    ii. Menyertai program kenegaraan.
    iii. Melawat tempat bersejarah
    iv. Ibu bapa menjadi suri teladan

**Soalan 2**

| |
|---|
| Nilai-nilai murni seperti sikap jujur, amanah dan bertanggungjawab perlu ada dalam diri setiap individu. Nilai ini dapat memberi kesan positif dalam kehidupan seseorang.<br><br>Dipetik dan diubah suai daripada<br>*BH Online*, 18 April 2020 |

Sebagai respons kepada pernyataan di atas, huraikan kesan positif tersebut kepada diri anda.

**Kehendak tugasan soalan**

1. FORMAT : Tiada
2. Calon dikehendaki menghuraikan kesan positif mengamalkan nilai-nilai murni kepada diri sendiri.
   i. Menjadikan diri seorang yang berakhlak mulia dan berbudi pekerti tinggi
   ii. Memastikan diri sentiasa berpegang teguh kepada ajaran agama
   iii. Mengelakkan diri terjebak dalam pelbagai pengaruh negatif
   iv. Menjadikan diri seorang insan yang dipercayai dan dihormati oleh masyarakat
   v. Menjadikan diri seorang insan yang sentiasa memberikan bantuan dan pertolongan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan

**Soalan 3**

| |
|---|
| Isu keselamatan di sekolah perlu diberikan perhatian yang serius agar keselamatan murid-murid terjamin. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta pihak polis perlu bekerjasama untuk memastikan persekitaran sekolah lebih selamat.<br><br>Dipetik dan diubah suai daripada<br>psbtpnsarawak.wordpress.com, 12 Mac 2018 |

Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan kerjasama tersebut.

**Kehendak tugasan soalan**

1. FORMAT : Tiada
2. Calon dikehendaki membincangkan kerjasama pihak sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta pihak polis untuk memastikan persekitaran sekolah lebih selamat.

    i. Pihak sekolah bekerjasama dengan pihak PIBG untuk melaksanakan program keselamatan murid-murid di sekolah.
    ii. Pihak sekolah bekerjasama dengan pihak polis untuk memastikan sekolah mempunyai Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang bertanggungjawab untuk mengawal tingkah laku murid, jenayah, keselamatan dan sebagainya di kawasan sekolah.
    iii. Pihak sekolah bekerjasama dengan pihak polis untuk mengadakan kempen keselamatan di sekolah berkaitan kemalangan dan jenayah salah laku
    iv. PIBG bekerjasama dengan pihak sekolah dengan menyumbangkan tenaga dan wang ringgit untuk mengupah RELA supaya dapat mengawal lalu lintas dan menjaga keselamatan murid-murid di kawasan sekolah.

**Soalan 4**

TANGGAL 3 Mac pada setiap tahun merupakan sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia. Namun begitu, terdapat beberapa spesies hidupan liar seperti gajah, harimau dan beruang matahari kini di ambang kepupusan dan sukar ditemui di habitat semula jadi mereka. Masalah kepupusan hidupan liar berpunca daripada kegiatan pemburuan haram, pembalakan haram dan pencemaran alam.

Dipetik dan diubah suai daripada *Sinar Harian*, 2 Mac 2021

Petikan di atas menyatakan hidupan liar di Malaysia semakin terancam.
Bincangkan.

**Kehendak tugasan soalan**

1. FORMAT- tiada

2. Calon dikehendaki menghuraikan punca-punca kepupusan hidupan liar di Malaysia.

i. Kegiatan pemburuan haram
ii. Pembalakan haram
iii. Pencemaran alam

Cadangan isi lain :

i. Pembukaan tanah secara besar-besaran (Pertanian,Perdagangan & Perindustrian)
ii. Pembakaran hutan
iii. Peningkatan suhu

Kemungkinan jawapan calon

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan dan idea-idea lain – terima seperti biasa
2. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat kepujian.